

SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

ANIH BERI TUMPUAN 3 ASPEK UTAMA BAGI KELANCARAN OPERASI

Jangkaan lebih 1 Juta kenderaan di lebuhraya menghala Pantai Timur

KUALA LUMPUR, 8 FEBRUARI 2024 – ANIH Berhad menyatakan cadangan Jadual Waktu Perjalanan (TTA) untuk rujukan dan panduan semua pengguna Lebuhraya KL-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) sempena perayaan Tahun Baharu Cina. TTA ini disediakan bagi membantu mengurangkan kesesakan lebuhraya dan panduan merancang perjalanan dengan lebih efisien dan selesa bermula pada hari ini sehingga 13 Februari .

Jumlah trafik ke Pantai Timur dijangka akan mengalami peningkatan bermula dari petang **8 Februari 2024 (Khamis)** hingga **10 Februari 2024 (Sabtu)**. Manakala kesesakan trafik menghala ke Barat pula dijangka berlaku pada **12 Februari** hingga **13 Februari 2024**. Jumlah **anggaran trafik** sepanjang **enam (6)** hari adalah sebanyak **1,054,000** buah kenderaan di **Lebuhraya KL-Karak (KLK)** manakala bagi **Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1)** adalah sebanyak **423,000** buah kenderaan. Hal ini merujuk kepada peningkatan sebanyak 75% kenderaan yang melalui KLK dan peningkatan 57% kenderaan di LPT1 sepanjang tempoh tersebut berbanding purata trafik harian.

"Bagi menghadapi peningkatan trafik dan memastikan kelancaran lalulintas di sepanjang lebuhraya KLK dan LPT1, ANIH Berhad telah membuat persediaan yang memberikan tumpuan khusus kepada Operasi Tol, Pengurusan Trafik dan Rondaan Lebuhraya serta Pengurusan Fasiliti". Jelas Imran Gulcharan Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif ANIH Berhad.

Pada masa yang sama, ANIH Berhad telah mengambil langkah proaktif dengan membuat penambahan petugas sebanyak **20 peratus** yang meliputi pasukan petugas LPT Ronda dan kawalan trafik untuk tujuan rondaan, kawalan serta bantuan. Selain itu, seramai **156 anggota RELA** turut ditempatkan bagi mengurus serta mengawal aliran trafik di plaza tol, hentian rehat dan hentian sebelah yang turut dijangka sesak.

"Kemeriahinan perayaan ini lebih berganda apabila ada cuti gantian yang secara tidak langsung ramai yang akan mengambil peluang memanfaatkannya. Maka, TTA yang disediakan boleh dirujuk di media sosial rasmi kami untuk dijadikan sebagai panduan apabila membuat perancangan perjalanan." Tambah Imran, usai menyerahkan pek keriangan Tahun Baharu Cina kepada pengguna lebuh raya di Plaza Tol Gombak pada hari ini.

Inisiatif tanggungjawab sosial korporat ANIH Berhad ini bertujuan menyemarakkan lagi suasana perayaan sambil pihak pengurusan tertinggi turun padang memberikan maklumat berkaitan pemanduan selamat sempena cuti panjang ini.

Pengguna lebuhraya adalah diingatkan untuk memberi keutamaan kepada keselamatan diri mereka dan pengguna lain dengan mengamalkan pemanduan yang berhemah. Berhenti di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) atau hentian sebelah apabila perlu, serta mematuhi papan tanda jalan, had laju, dan arahan daripada petugas lebuh raya bagi memastikan keselamatan dan keselesaan semua.

Bagi mendapatkan informasi tepat dan terkini, sila ikuti saluran rasmi media sosial ANIH Berhad di Facebook @Lebuhraya Pantai Timur dan X (Twitter) @LPTTrafik serta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) @llmtrafik. Sekiranya berlaku kecemasan, hubungi LPT-Line di 1-700-818-700 atau talian LLM di 1800-88-7752.

-TAMAT-

ANIH BERHAD

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1), yang mencakupi Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1). Merentasi jarak dari Gombak pada KM 19.2 di Lembah Klang hingga ke Jabor pada KM 250.6 di Terengganu, LPT1 memendekkan masa perjalanan dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi dan penyelenggaraan tol rangkaian lebuh raya ANIH Berhad dikendalikan oleh Kumpulan MTD.

Pertanyaan Media

Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
communications@mtdgroup.com.my
03 6195 1111